

PROFIL

SEKOLAH ISLAM
NUR AL-AZHAR

SINAR

سکوله إسلام

نور العزّيز

Diuruskan oleh
SINAR AZHARI RESOURCES
(No Pendaftaran 002361698-K)

Kompleks SINAR, Lot 13592, Jalan Salak, Kampung Jenderam Hulu,
43800 Dengkil, Sepang, Selangor. (Berhampiran Desa Vista)

Tel: 019-3459257 (Mudir)

Emel: sinaran.azhari@gmail.com

Akaun MAYBANK atas nama SINAR AZHARI RESOURCES

5 6 2 3 7 5 4 0 2 3 4 8

SEKOLAH ISLAM NUR AL-AZHAR (S I N A R)

1

PENGENALAN

Sekolah Islam Nur al-Azhar atau singkatannya **SINAR** adalah sebuah pusat pengajian Islam yang memberikan alternatif kepada pendidikan Islam sedia ada. Ia ditubuhkan atas kesedaran melahirkan sekumpulan ulama yang benar-benar menguasai bidang pengajian Islam dan dalam masa yang sama memahami ilmu-ilmu lain sebagai pelengkap keilmuan mereka. Masyarakat Islam Malaysia semakin berkecamuk disebabkan oleh pelbagai kontroversi yang mencari perpaduan umat. Lalu kumpulan ulama yang akan dilahirkan ini diharap menjadi solusi kepada kemelut ummat dan bertindak sebagai sinar yang menerangi masyarakat Muslim negara ini.

Demi membimbing sekumpulan ilmuan yang berketerampilan dan mampu mencorak masa hadapan negara, SINAR menyusun silibus pendidikan yang lebih tinggi dan berkualiti. Sukatan yang disediakan untuk pelajar-pelajar ini bukan teori bilik kuliah yang belum diuji keberkesanannya. Sebaliknya, ia diasaskan, pertama, berdasarkan saranan Imam Syafii dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang.

Imam Syafii menggariskan sinergi unsur-unsur berikut bagi melengkapkan pendidikan yang cemerlang:

Pertama, pelajar yang bijak dan berketerampilan; Ilmu Islam yang pelbagai dan merangkumi seluruh aspek kehidupan memerlukan penuntut ilmu mempunyai minda cerdas dan cemerlang. Mereka perlu menghafaz pelbagai nas dan dalil dengan tepat dan terperinci, di samping mempunyai kefahaman yang baik kepada semua dalil-dalil ini.

SINAR memilih pelajar yang benar-benar memenuhi kualiti ini. Ujian kemasukan diadakan bagi setiap pelajar. Antara ujian yang perlu dilalui bakal pelajar ialah menghafaz 5-10 baris ayat al-Quran dalam masa 30 minit hingga sejam. Pelajar yang berjaya akan diterima sementara yang gagal sepenuhnya akan ditolak. Bagaimana pun, pelajar yang berjaya

melaksanakan separuh daripada tugas yang diberi, diberikan peluang kedua dengan mengikuti kursus-kursus anjuran SINAR. Ini bagi menilai kesungguhan dan kemampuan pelajar ini. Justeru itu, SINAR hanya mengambil pelajar yang terpilih sekali pun jumlah yang layak adalah sedikit.

Kaedah ini juga bagi menjamin pelajar-pelajar berada bersama mereka yang mempunyai kemampuan yang sama dengan mereka dan mewujudkan persaingan yang sihat.

Kedua, guru murshid yang mampu membimbang: Pelajar mendapat pengaruh yang besar daripada seorang guru. Kerana itu, guru yang gagal tidak kan mampu melahirkan peajar yang cemerlang. Guru bukan hanya berperanan menyampaikan maklumat, tetapi juga mengalirkan azam, akhlak dan cita-cita tinggi kepada pelajar-pelajarnya.

Memahami kepentingan ini, SINAR menetapkan semua guru yang mengajar di sini adalah yang terpilih. Sekurang-kurangnya ia perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diceburinya. Atau ia dikenali sebagai seorang yang pakar dan terbaik dalam bidangnya.

Ketiga, ibubapa yang sedia berkorban dan memahami konsep pendidikan: Ibubapa memainkan peranan terbesar dalam menentukan hala tuju anak mereka. Sekiranya cita-cita terhadap anak mereka tidak selaras dengan aspirasi SINAR bagi melahirkan ulama terbilang, ia tidak mungkin tercapai. SINAR mensyaratkan agar ibubapa mendengar dahulu taklimat mengenai matlamat dan sistem pendidikan SINAR. Ibubapa pelajar juga perlu melalui temuduga bagi memastikan kepercayaan mereka kepada konsep pendidikan yang diterajui SINAR bagi memastikan perjalanan anak mereka di sini tidak diganggu dengan isu-isu remeh temeh yang lain.

Keempat, masa pengajian yang panjang: Bagi memahirkan seorang pelajar dengan semua ilmu Islam yang mantap, ia memerlukan masa yang lama untuk fokus dalam pelajarannya. Bagi menjamin masa pengajian yang panjang, SINAR memilih pelajar semuda sepuluh tahun hingga 16 tahun sebagai pelajar. Ini memberikan masa lebih lama bagi mereka menekuni pelajaran mereka tanpa perlu terbeban dengan pekerjaan

dan tugas lain. Pelajar yang lebih muda juga diterima sekiranya layak berdasarkan kemampuan belajar dan kematangannya berinteraksi dengan masyarakat.

Kelima, sumber kewangan yang cukup; Kekurangan dana pendidikan menjadi punca biasa seorang pelajar bijak dan cemerlang tidak dapat meneruskan pengajiannya ke peringkat lebih tinggi. Begitu juga pusat pengajian yang tidak dapat menampung kos pengajian yang tinggi akhirnya terpaksa ditutup atau meneruskan operasi dalam keadaan naif dan tidak berdaya maju. Produk yang dilahirkan juga tidak berkualiti dan bermanfaat untuk ummat.

SINAR yang menyasarkan kelahiran sekolompok ulama berwibawa tidak mungkin mampu mencapai cita-citanya tanpa kewangan yang mencukupi. Kerana operasi SINAR yang melibatkan tenaga pengajar pakar juga memerlukan kos yang tinggi bagi membayar gaji guru dan bahan-bahan rujukan. Pengambilan pelajar yang terhad juga menyebabkan kos setiap pelajar semakin tinggi sedangkan kemampuan ibubapa menyara anak-anak mereka adalah terhad.

Tidak dapat dinafikan, para penderma budiman memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam merealisasikan impian agung ini. SINAR amat berharap agar para dermawan memberikan sokongan kewangan yang mencukupi bagi menjamin kelancaran operasi SINAR.

Kegagalan memenuhi walau pun hanya satu daripada saranan ini sahaja boleh menjelaskan kecemerlangan pelajar dan sekolah.

SINAR juga diasaskan berdasarkan acuan kejayaan sekolah **Ma'hadul-Azhar, Pokok Sena, Pulau Pinang** yang berjaya melahirkan lepasan pelajar yang menyambung pelajaran ke universiti, terutamanya Universiti al-Azhar, Mesir, dalam usia muda. Institusi itu, yang diasaskan dan diuruskan sendiri oleh **Ustaz Yusoff Uthman** sejak 27 tahun lalu, menerapkan konsep pendidikan yang menongkah arus pendidikan semasa negara ini. Sekali pun kelihatan janggal dan dipertikaikan oleh pendidik, ibubapa dan malah pelajar sendiri, tetapi kejayaan lepasannya yang cemerlang dalam pendidikan tinggi dan keterlibatan mereka dalam pelbagai bidang pekerjaan, membuktikan kejayaan sistem alternatif ini.

(Lampiran A)

2

OBJEKTIF

Objektif penubuhan SINAR adalah seperti berikut:

- i. Melahirkan generasi pelapis imam-imam mujtahid yang mempunyai multi ilmu yang pelbagai hingga mampu menghidupkan agama Islam dalam masyarakat.
- ii. Mencetuskan generasi yang memahami 30 juz al-Quran dan menyampaikannya kepada masyarakat.
- iii. Menjana modal insan pakar yang mampu menangani kemelut umat.
- iv. Menghubungjalinkan pembelajaran turath dan moden.
- v. Menyediakan pelajar memasuki universit dalam usia muda.

3

FALSAFAH

Melahirkan barisan ulamak yang menguasai multi ilmu hingga mampu menangani kemelut ummah.

4

VISI

Menemukan Pelajar Bijak dengan Guru Murshid.

5

MISI

Melestarikan sistem pendidikan wahyu untuk melahirkan generasi pelapis mujtahid bagi menangani kemelut umat.

6

LOKASI

Lokasi sekolah terletak di alamat Kompleks SINAR, Lot 13592, Jalan Salak, Kampung Jenderam Hulu, 43800 Sepang, Selangor.
(Lampiran B)

Sekarang, SINAR beroperasi di atas empat lot banglo yang diwakafkan secara sementara oleh pemilk-pemiliknya. Pada masa akan datang, SINAR berharap untuk memiliki kompleks pengajian sendiri.

7

TENAGA PENGAJAR

Tenaga pengajar SINAR terdiri daripada mereka yang bergraduan daripada universiti tempatan atau luar negara atau memiliki ilmu yang diiktiraf dan berwibawa.

8

PENDAFTARAN

Sekolah ini beroperasi di bawah syarikat SINAR AZHARI RESOURCES no. pendaftaran 002361698-K dan dalam proses pendaftaran di bawah Jabatan Agama Islam Selangor.

9

SILIBUS PEMBELAJARAN

Silibus sekolah ini direka khas untuk melahirkan pelapis mujahid dan melayakkan pelajar-pelajar memasuki universiti pengajian Islam sama ada di dalam atau pun luar negara pada umur yang muda.
(Lampiran C)

10

ORGANISASI LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi	:	Dato' Hj. Ramlan bin Hj. Ibrahim
Tim. Pengerusi	:	Dr. Irwan bin Mohd Subri
AJK	:	Dato' Ir. Hj. Wan Husin Embong Rohidzir bin Rais Mohd Zuhdi bin Ahmad Khasasi Hj. Suhaimi bin Abd Razak

11

PENGURUSAN SEKOLAH

Struktur organisasi Pengurusan Sekolah adalah seperti berikut:

Penaung	:	
Penasihat Akademik	:	Dr Irwan Mohd Subri Yusoff bin Uthman
Mudir	:	Rohidzir bin Rais
Timbalan Mudir	:	Azmir bin Ramlan
Pendaftar	:	Mohd Zuhdi bin Ahmad Khasasi
Bendahari	:	Abdul Latif Rahbar b. Shubki Latif
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	:	Muhammad Zahir bin Ismail

12

IMPLIKASI KEWANGAN

Sumber kewangan SINAR dijana melalui sumbangan para dermawan, yuran pelajar, bengkel, kursus, motivasi dan sebagainya.
(Lampiran D)

13

PENUTUP

Pihak lembaga pengarah sekolah mengharapkan agar usaha murni akan dimakbulkan Allah S.W.T demi melihat kejayaan dan kecemerlangan umat Islam akan terus tercapai seperti zaman kegemilangan tokoh-tokoh ulama silam.

Disediakan oleh:

ROHIDZIR RAIS
Mudir
Sekolah Islam Nur al-Azhar (SINAR)

LAMPIRAN A

Keratan rencana mengenai Ma'hadul-Azhar dalam Majalah ANIS keluaran Ogos 2011
 tulisan Ustaz Rohidzir Rais

Tinjauan Eksklusif



Kali pertama bertemu dengan Ustaz Yusoff Uthman, 56, adalah ketika saya berada di tingkatan enam rendah di Sekolah Menengah Dato Haji Abdul Qadir, Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau yang menjadi guru di situ mengambil peluang bertemu setiap kali kelas kami ketidaaan guru. Beliau tidak mengajar, sebaliknya hanya bercakap dan berbual-bual.

Berbicara mengenai keadaan dunia dan tokoh-tokoh hebat tanah

mengikut kelas pantas membaca al-Quran berdasarkan sistem Iqra. Sudah tentu saya menjadi orang pertama yang bersetuju menyertainya dan diikuti rakan-rakan yang lain. Masakan tidak, selama lebih tiga tahun saya memohon doa agar Allah berikan peluang kepada saya untuk membaca al-Quran, kalam-Nya yang agung.

Selepas dua minggu kursus intensif membaca al-Quran ini selesai, saya kecewa kerana masih belum dapat membaca al-Quran dengan baik. Walaupun, berjaya menamatkan enam jilid dalam masa 30 jam, namun bacaan saya belum lancar dan sempurna seperti yang diharapkan. Saya menitiskan air mata sendirian dalam surau sekolah itu.

Menyedari kekecewaan saya, pada

Teraju Bersama

Ma'hadul-Azhar beroperasi di Bangunan 1744, Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang. Bangunan utamanya adalah milik Ustaz Yusoff sendiri dan isterinya, Puan Fauziyyah Omar, 53 tahun. Ia terletak di atas tanah Lot 2071, Mukim 11, SPU yang milik asalnya adalah kepunyaan Tuan Haji Omar Abdullah, bapa mertua beliau. Sekarang tanah dan bangunan ini serta beberapa bangunan lain yang berada atas tanah ini adalah milik Ma'hadul-Azhar sepenuhnya.

Ini merupakan aspek menarik mengenai pasangan Ustaz Yusoff dan Puan Fauziyyah yang saya kenali kerana kedua-dua mereka menjadi peneraju bersama mengusahakan institut ini. Malah keluarga kedua-dua


SINARAN MA'HADUL-AZHAR

Kegigihan Ustaz Yusoff dan Puan Fauziyyah membimbing anak bangsa menangani kemelut ummah dengan kalam Allah.

air seperti Dr. Burhanuddin Helmi dan Ustaz Zulkifli Mohamed. Sesekali dia mengeluarkan sapu tangan daripada sakunya dan menyapu air mata ketika menceritakan detik-detik tragis tokoh-tokoh ini. Tuturnya petah, susunan katanya mempesonakan, dan fakta-fakta yang diceritakan tidak ada di dalam silihus pelajaran kami.

Tidak cukup dengan itu, Ustaz Yusoff menawarkan kami untuk

akhir program itu, Ustaz Yusoff mempelawa siapa sahaja yang berminat mempelajari al-Quran untuk mendalami ilmu ke sekolah beliau, Ma'hadul-Azhar. Itulah titik pertemuan saya dengan sebuah institut pengajian Islam yang hebat dan membuka pintu untuk saya memahami ajaran Islam dengan lebih luas.



Penulis merupakan bekas murid Ma'hadul Azhar yang kini bertugas sebagai Pengurus Penerbitan PTS Litera Utama.

belah keluarga juga memberikan sepenuh kerjasama dan bantuan kepada mereka berdua dalam membangunkan institusi ini.

Ustaz Yusoff mempunyai kelulusan agama Islam dari pelbagai institusi terkenal di dalam dan di luar negara seperti Universiti al-Azhar, Universiti Ain Sham, Universiti Darul-Uloom, Deoband, Universiti Lucknow, Darul-Uloom Linadawati 'Ulama', Madrasah Arabiah Karachi dan Jamaliah Arabic College Madras, selain Pondok Penanti Pulau Pinang dan Pondok Keplu Kodiang, Kedah.

Berdasarkan pengalamannya belajar di institusi-institusi hebat bersama guru-guru yang mursyid inilah, beliau bertekad mengasaskan Ma'hadul-Azhar semata-mata bagi memberikan pendidikan bermutu kepada anak bangsa.

Gandingan suami isteri

Keserasian gandingan Ustaz Yusoff Uthman dan Puan Fauziyyah Omar, yang dikurniakan lima orang anak dan empat cucu ini dapat dilihat sejak awal penubuhan institut ini. Apabila Ustaz Yusoff menawarkan pengalaman dan ilmunya dalam bidang syariah, Puan Fauziyyah pula menawarkan bantuan kewangan dan khidmat nasihat pengurusan. Ketika Ustaz Yusoff mengajar al-Quran, hadis dan bahasa Arab, Puan Fauziyyah pula mengajar Bahasa Inggeris.

Malah, sepanjang pengajian penulis di Ma'hadul-Azhar ini, rumah penginapan Ustaz Yusoff dan Puan Fauziyyah terletak di dalam kawasan sekolah ini. Tidak hairanlah para pelajar sangat mesra dengan Puan Fauziyyah yang digelar Mak Jang. Ibu Ustaz Yusoff iaitu Hajjah Sofiyyah pula mesra dengan panggilan Tok. Keluarga berkat inilah yang bersama dengan pelajar-pelajar Ma'hadul-Azhar dalam keadaan senang dan susah. ■

Kendong kitab besar



Ustaz Yusoff dan Puan Fauziyyah bersama barisan guru dan pelajar Ma'hadul Azhar sekitar tahun 1998.

Keunikan institut ini adalah kerana pelajar-pelajarnya tidak dikelaskan berdasarkan umur, sebaliknya mengikut kemampuan belajar. Sungguh menakjubkan melihat anak-anak seusia 10 atau 12 tahun mengendong kitab-kitab Arab yang besar dan belajar di dalam kelas seperti orang dewasa.

Apakah sistem pendidikan yang digunakan sehingga Ma'hadul-Azhar berjaya melahirkan pelajar-pelajar sehebat ini? Begitulah takjubnya saya lalu kekaguman ini saya terjemahkan dengan menyertai institut hebat ini di bawah bimbingan Ustaz Yusoff Uthman.

Kini selepas 23 tahun penubuhan Ma'hadul-Azhar, Ustaz Yusoff dan Puan Fauziyyah boleh berbangga dengan kejayaan institut ini. Ia bukan hanya sekolah tafhib al-Quran pertama di Pulau Pinang, tetapi pelajar-pelajarnya juga berjaya diterima masuk di Universiti al-Azhar, Mesir dalam usia yang muda. Malah dua orang anak mereka yang baru berusia 14 tahun, sementara pelajar yang lain sekitar 15,

16 dan 17 tahun ketika memulakan pengajian ke universiti tertua di dunia ini. Kira-kira 70 daripada 200 lepasan institut ini berjaya ke Universiti al-Azhar. Sementara pelajar-pelajar yang lain menyambung pelajaran di institusi pengajian tempatan atau memulakan kerjaya dalam pelbagai lapangan.

Penulis yang berpeluang belajar menggunakan sistem pantas Ma'hadul-Azhar ini dapat merasai keberkesanan sistem ini apabila lulus dalam peperiksaan empat sanawi walaupun baru dua tahun belajar bahasa Arab. Seterusnya menyambung pelajaran ke Universiti al-Azhar dalam bidang syariah.

Walaupun belajar dalam bidang agama, lepasan Ma'hadul-Azhar menceburi pelbagai bidang profesion seperti penulis, penterjemah, pensyarah universiti hingga menjadi Timbalan Dekan dan Dekan, pengusaha pusat pengajian sendiri, syarikat pelancongan, menjadi chef di hotel terkemuka, terlibat dalam industri permotoran dan perniagaan. Mereka juga menjadi guru-guru

Tinjauan Eksklusif

Pendidikan Islam, Jawi dan bahasa Arab di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kepelbagaiannya kerjaya lepasan Ma'hadul-Azhar ini tidak menghairankan kerana sepanjang pengamatan penulis sendiri, Ustaz Yusoff sentiasa menggalakkan pelajar-pelajarnya untuk mahir dalam pelbagai bidang. Nasihat beliau, apa sahaja bidang yang diceburi oleh anak-anak Ma'hadul-Azhar, mereka mestilah patuh dengan syariat Allah.

Pengajian Memahami al-Quran

Selepas menempa kejayaan demi kejayaan, Ma'hadul-Azhar yang diasaskan pada Mac 1988 bersamaan 1408 H, kini merintis program pengajian ke arah memahami al-Quran berdasarkan topik bagi sesi pengajian Mei 2011 dan 2012.

Silibus yang digunakan dalam pengajian memahami al-Quran ini merangkumi tiga asas utama yang berjalan serentak:

Asas 1: Saringan Ayat Berdasarkan Topik

Asas 2: Menghafaz dan Memahami Surah-Surah Pilihan

Asas 3: Menghafaz dan Memahami Setiap Ayat di dalam Al-Quran

Dalam subjek memahami al-Quran berdasarkan ayat yang disaring berdasarkan topik, setiap pelajar wajib mengikuti 10 langkah berikut:

- ❖ Menentukan topik atau surah yang hendak dipelajari.
- ❖ Membetul dan memperelok bacaan ayat yang dipelajari.
- ❖ Memahami dan menghafaz makna perkataan bagi ayat yang dipelajari berpaduan buku *Syamail al-Quran*.
- ❖ Memahami kehendak dan maksud ayat berpaduan *Tafsir 'Abbul-Athir*, *Tafsir Azhar* dan lain-lain.
- ❖ Menghafaz ayat al-Quran berdasarkan topik yang dipelajari.
- ❖ Memperdengarkan hafalan ayat kepada guru pembimbing secara berterusan mengikut sistem hafalan.
- ❖ Memperdengarkan terjemahan makna ayat kepada guru pembimbing secara berterusan seperti sistem hafalan.
- ❖ Menerangkan tafsiran ayat yang dikaji

di hadapan khalayak, sama ada rakan-rakan sekelas atau jemputan khas.

- ❖ Menduduki ujian bertulis bagi setiap topik yang dipelajari.
- ❖ Menganugerahkan Sijil Khas kepada pelajar yang berjaya.

Bagi asas kedua dan ketiga, pelajar diwajibkan menghafaz dan memahami surah-surah terpilih dan memahami makna setiap perkataan dari awal al-Quran hingga habis. Mereka tidak diwajibkan menghafaz 30 juzuk al-Quran tetapi siapa yang berkemampuan ke arah itu, pihak sekolah akan membimbangi mereka.

Program pengajian ini dibuka kepada pelajar berumur sepuluh tahun ke atas, remaja dan orang dewasa. Sementara jadual pengajiannya pula disusun secara fleksibel bagi kesesuaian pelajar. Mereka boleh memilih pengajian sepenuh masa atau separuh masa.

Menurut beliau, pada awalnya institut ini membuka peluang kepada golongan kanak-kanak dan remaja. Namun permintaan dan minat golongan dewasa bagi mengikuti program ini menyebabkan pihak institut akur dengan kehendak mereka. Menarik mengenai program ini, yuran pengajian atau disebut sebagai sumbangan komitmen (*infaqiltizamiy*) yang dikenakan kepada pelajar hanya RM50.00 sebulan bagi yang berkemampuan.

Sedangkan kos yang diperlukan bagi menampung pengajian pelajar-

pelajar ini tentulah lebih besar. Oleh itu bagi membiayai 30 orang pelajar sahaja, kira-kira RM36,000.00 sebulan diperlukan. Baki yuran pengajian setiap pelajar sebenarnya ditanggung oleh Ma'hadul-Azhar melalui sumbangan dermawan. Justeru itu, Ma'hadul-Azhar sejak penubuhannya mengamalkan sistem paduan kasih di antara ibu bapa yang gigih, pelajar yang cekal dan penyumbang budiman, serta guru yang mursyid. Hanya melalui sistem ini, semua orang berpeluang untuk memahami al-Quran dan menyumbang di jalan Allah.

Sebagai anak didik yang pernah merasai asuhan di bawah sistem pengajian al-Quran di Ma'hadul-Azhar, saya menyeru ibu bapa untuk merebut peluang menjadikan permata hati anda sekalian sebagai insan yang memahami kalam Tuhan. Hanya generasi al-Quran dapat menangani kemelut yang melanda ummah hari ini. Bagi para dermawan yang tidak berpeluang mengikuti pengajian ini boleh turut serta menyumbang dalam usaha memandaikan anak bangsa demi menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Ma'hadul-Azhar, Institut Memahami dan Menghafaz al-Quran & Pengajian Islam kini membuka pendaftarannya bagi pengambilan sesi 2012 dan masih membuka pendaftaran bagi sesi Mei 2011. Maklumat lanjut boleh hubungi Ustaz Yusoff Uthman di talian 013-8101040/Faks 04-3515062 atau layari laman sesawang: <http://azhar-ummah.blogspot.com> atau e-mel kepada mahadulazhar@yahoo.com ■

Ma'hadul-Azhar mengalui-alukan sumbangan dalam bentuk zakat, sedekah, wakaf, fidyah dan infak bagi membiayai pendidikan al-Quran ini.

Bank Muamalat: 0701-0001554-71-1

Bank Bank Islam: 07016010024844

Selain sumbangan kewangan, Ma'hadul-Azhar juga memerlukan peralatan berikut; komputer, al-Quran, buku-buku, katil, tilam, almari pakaian, penyaman udara, van dan bangunan khas untuk perpustakaan dan makmal komputer untuk kemudahan pelajar.

LAMPIRAN B PETA DAN LOKASI






BLOK A

- PEJABAT SINAR AZHAR
- RUMAH MUDIR



BLOK B


- ASRAMA LELAKI
- KELAS TALAQI AL-QURAN



PADANG PERMAINAN



PARKING



BLOK C

- ASRAMA BELAJAR PEREMPUAN
- BILIK PEMBANTU
- SURAU
- DAPUR KERING
- DAPUR BASAH
- LAUNDRY




BLOK D

- DEWA KULIAH UTAMA
- PERPUSTAKAAN
- BILIK KERING
- DAPUR BASAH
- BILIK TETAMU

BLOK A

- PEJABAT SINAR AZHAR
- RUMAH MUDIR



- Ampaians

- Kipas Dinding
 - Bilik tidur x 2
 - Ruang Tamu
 - Dapur

13

- Tutup pintu ke dapur, jadikan seperti tingkap untuk menghidangkan makanan




- Keperluan PEJABAT
 - Meja Mudir x1
 - Kerusi Pejabat x 1
 - Sofa Panjang
 - Rak Buku Cermin x 4
 - Karpet x 3
 - Komputer x 1
 - Printer Laser Canon Black x 1
 - Printer Colour + Scanner + Fax x 1
 - Papan Putih
 - Rak Kasut



BLOK B

- ASRAMA LELAKI
- KELAS TALAQI

6 PAIP WUDHUK DI LUAR KELAS




BLOK C

- ASRAMA PELAJAR PEREMPUAN
- BILIK PEMBANTU
- SURAU
- DAPUR KERING
- DAPUR BASAH
- LAUNDRY


BINAAN TAMBAHAN

- Dapur basah utk Memasak
- Ruang Laundry utk membasuh.
- Ruang makan lelaki.



BLOK D

- DEWA KULIAH UTAMA
- PERPUSTAKAAN
- BILIK KOMPUTER
- BILIK TETAMU



LAMPIRAN C SILIBUS DAN PROGRAM PENGAJIAN SINAR

1

SILIBUS

Silibus pembelajaran SINAR adalah seperti berikut berikut:

- i. Pengajian Islam.
- ii. Sains berteraskan Islam.
- iii. Kemahiran berbahasa
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab
 - Bahasa Inggeris
 - Bahasa Inggeris
- iv. Pengetahuan Awam
 - Sistem perundangan,
 - Politik,
 - Ekonomi
 - Sejarah
- v. Penulisan profesional.
- vi. Pengucapan awam.
- vii. Teknologi maklumat
- viii. Kemahiran hidup
 - Memasak
 - Menjahit
 - Bertukang
 - Berkebun

2
PROGRAM PENGAJIAN

- Program pengajian dijalankan secara sepenuh masa dalam tempoh 14 semester iaitu 3 tahun dan 6 bulan.
- 1 Semester bersamaan dengan 12 minggu iaitu 10 minggu perkuliahan, satu minggu ulangkaji dan satu minggu untuk peperiksaan dan cuti pendek semester.
- Kuliah dijalankan selama 6 hari seminggu dengan peruntukan masa pengajian formal sebanyak 11 jam sehari.

Berikut keterangan ringkas berkaitan program pengajian SINAR :

**Tempoh Pengajian Mengikut Semester
(14 Semester/ 3 Tahun Setengah) Jan 2015-Jun 2018**

Bil Sem	Tempoh Masa	Perkuliahian	Ulangkaji	Peperiksaan /Cuti	Jumlah Minggu
Sem 1	Jan-Mac 15	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 2	April-Jun 15	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 3	Julai-September 15	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 4	Oktober - Disember 15	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 5	Jan-Mac 16	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 6	April-Jun 16	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 7	Julai-September 16	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 8	Oktober - Disember 16	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 9	Jan-Mac 17	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 10	April-Jun 17	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 11	Julai-September 17	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 12	Oktober - Disember 17	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 13	Jan-Mac 18	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu
Sem 14	April-Jun 18	10 Minggu	1 Minggu	1 Minggu	12 Minggu

SUBJEK DAN BILANGAN JAM MENGIKUT SEMESTER															
Bil	Subjek/ Sem	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
2	Al-Quran	5	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4
3	Hadis		1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
4	Akidah	1	1												
5	Akhlik / Tasawuf			1	1										
6	Tarikh Tasyri'					1	1								
7	Fikah	1	1	1	1	1	1	1	1	1					
8	Usul Fiqh							2	2	2					
9	Qawaид Fiqhiyyah										2	2	2		
10	Fatawa Semasa													2	2
11	Kemahiran Bahasa	2	2	2	2	2	2	1	1	1	1	1	1	1	1
12	Kemahiran ICT			1	1	1								1	1
13	Kemahiran Komunikasi	1	1				1				1	1	1	1	1
14	Kenegaraan							1	1						
15	Pendidikan Jasmani	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
16	Matematik									1	1	1	1		
Bil Jam		11	11	11	11	11	11	11	11	11	11	11	11	11	11

JADUAL HARIAN		
MASA	AKTIVITI	CATATAN
5.45- 6.30	Persiapan Diri & Solat Subuh	
6.30-7.30	Kuliah 1	1 Jam
7.30-8.00	Sarapan	
8.00-10.00	Kuliah 2	2 Jam
10.00-10.30	Minum Pagi	
10.30-12.30	Kuliah 3	2 Jam
12.30-2.00	Rehat/Solat/Makan Tengahari	
2.00-3.00	Kuliah 4	1 Jam
3.00-4.30	Kuliah 5	1 ½ Jam
4.30-5.00	Minum Petang/Solat Asar	
5.00-6.00	Kuliah 6 (Pendidikan Jasmani/Kesihatan/Kemahiran)	1 Jam
6.00-7.45	Persiapan Diri/Makan Malam/ Maghrib	
7.45-8.45	Kuliah 7	1 Jam
8.45-9.00	Istyak	
9.00-10.30	Kuliah 8	1 ½ Jam
10.30-10.45	Minum Malam	
11.00	Tidur	
JUMLAH JAM KULIAH SEHARI		11 Jam

LAMPIRAN D IMPLIKASI KEWANGAN

Kos Operasi, Sumber Kewangan Dan Yuran Bulanan SINAR adalah seperti berikut:

KOS OPERASI				
Bil	Perkara	Kuantiti	RM	Catatan
1	Penyelenggaraan Bangunan	4	1000	
2	Bil Utiliti	4	2000	
3	Bil Unifi	1	150	
4	Elaun Mudir	1	4000	
5	Elaun Guru Sambilan	100 Jam	5000	RM 50.00 X 100 jam
6	Gaji Guru Tetap	3	6000	
7	Gaji Pekerja AM	2	1400	
8	Sara Hidup Pelajar	30	13500	RM 15.00 (6 kali) X 30 hari
9	Buku Rujukan dan Bahan Bacaan	1 Set	500	
10	Rencam		2000	
JUMLAH BESAR			35550	

SUMBER KEWANGAN				
Bil	Perkara	Kuantiti	RM	Catatan
1	Yuran Pelajar	30	13500	RM450 x 30 pelajar
2	Sumbangan		22050	
JUMLAH BESAR			35550	

YURAN			
Bil	Perkara	RM	Catatan
1	Yuran Pengajian	650	
2	*Yuran Sara Hidup	450	Kos Makan (RM 15.00 X 30 hari)
3	Yuran Pembangunan Kendiri		
	Penginapan		Baik pulih bangunan dan peralatan
	Perpustakaan		Penambahan buku dan belian majalah & akhbar mingguan dan bulanan
	Makmal Komputer		Baik pulih dan penambahan peralatan
	Kokurikulum		Belian dan baik pulih peralatan
	Keceriaan		Belian dan baik pulih peralatan
JUMLAH BESAR		1185	

* Pelajar diwajibkan membayar sekurang-kurangnya Yuran Sara Hidup sebanyak RM 450.00. Baki yuran (735.00) ditaja oleh para dermawan dengan syarat-syarat tertentu.